


DEFINASI SIJIL DAN LICENSE KEJURULATIHAN OLEH FAM

1. RINGKASAN PERJALANAN SEBAGAI JURULATIH BERTAULIAH




2. RINGKASAN LESEN KEJURULATIHAN BOLASEPAK FAM




3. MODEL KEJURULATIHAN YANG PERLU ADA KEPADA SETIAP JURULATIH

Coaching Model



4. SIJIL DAN LESEN KEJURULATIHAN MENGIKUT KEPERLUAN TAHAP UMUR

Four Stages of Development



SIJIL FAM AKAR UMBI – GRASSROOTS COACHING COURSES

Kursus ini dibangunkan adalah untuk memperkenalkan bolasepak kepada komuniti secara lebih bertauliah. Kursus kejurulatihan ini adalah pada peringkat sijil yang memperkenalkan aspek latihan dan mengajar kanak-kanak berkenaan teknik asas permainan bolasepak. Sijil asas FAM akar umbi lebih fokus kepada asas permainan bolasepak yang di bahagi kan kepada 4 topik asas iaitu:

- a. First Touch
- b. Striking the Ball
- c. Running with the ball
- d. 1v1

Objektif utama kursus sijil kejurulatihah akar umbi ini adalah untuk komuniti bersama-sama membangunkan kanak-kanak dan anak-anak muda tentang bolasepak. Jurulatih yang terlibat menekankan pemahaman tentang 4 teknik asas bolasepak.

Kursus dijalankan selama 2 hari penuh di padang dan teori. Kursus ini merangkumi 70% teknikal di padang dan 30% teori di kelas.

Jurulatih yang telah disahkan akan menerima sijil akar umbi akan terlibat secara langsung dalam membangunkan pemain dan pasukan bertaraf "**NON-ELITE**". Pemain dan pasukan ini berada di dalam lingkungan umur 6 tahun sehingga 11 tahun.

Penglibatan jurulatih bersijil adalah pada Small Sided Game (SSG) iaitu 1v1, 3v3, 5v5 dan bukan pada 11v11.

LESEN D AFC/FAM – D LICENSE COURSE AFC/FAM

FAM telah menilai module dan sillibus **SIJIL KEJURULATIHAN LESEN D**, bahawa kursus ini perlu diselaraskan dan mengambil kira konten, module dan sillibus di peringkat kejurulatihan lesen C. Kursus ini adalah untuk mempersiapkan jurulatih yang layak untuk menghadapi dan mengikuti sijil kejurulatihah lesen C.

Penilaian ini berasaskan kepada jurulatih yang telah bersedia untuk menghadapi dan mengikuti lesen kejurulatihan yang lebih “advance” atau lebih pakar dalam menjadi jurulatih secara keseluruhan mengikut perjalanan yang telah di setkan oleh AFC/FAM.

Kursus Kejurulatihan lesen D ini adalah permulaan kepada perjalanan seorang jurulatih untuk terlibat dalam latihan yang melibatkan latihan permainan, latihan taktikal dan latihan kepada “**elite footballers**”. Kursus ini adalah persediaan untuk menghadapi keadaan sebenar kepada sesebuah perlawanan dan tidak lagi tertumpu kepada latihan yang tidak bersifat perlawanan iaitu” **isolated practices.**”

Fokus Kepada 2 topik utama:

- 1) Playing out from the back
- 2) Play from the back using Midfield combination no 6 & no 8/Combination play centrally in the attacking half of the field

Kursus kejurulatihan lesen D melibatkan latihan perlawanan pada peringkat umur 12 tahun dan keatas yang bermain dalam pasukan 11v11 iaitu: pembangunan Remaja Elit dan juga pemain dewasa di peringkat amatir.

Jurulatih yang terlibat dengan pemain pada peringkat usia 9 tahun hingga 12 tahun adalah pada peringkat “Skill Training Stage,” dan jurulatih di peringkat akar umbi digalakkan untuk menjadi pembantu jurulatih kepada jurulatih yang mempunyai sijil kejurulatihan lesen D ini.

PEMILIHAN PESERTA KEJURULATIHAN LESEN D

- Peserta mesti melatih pemain atau pasukan yang bermain 11v11, pada peringkat usia 12 tahun keatas, remaja dan juga pemain Senior
- Peserta mesti menyenaraikan bukti daripada sekolah, akademi dan kelab bahawa mereka terlibat secara aktif melatih pasukan elit dan pemain amatir.
- Peserta yang tidak bergiat secara aktif melatih peringkat usia yang diterangkan tetapi mempunyai keperluan untuk melatih peringkat usia dan pemain elit secara berpasukan perlu memberi bukti-bukti dan surat pengesahan dari kelab, akademi dan sekolah yang mereka akan dilantik sebagai jurulatih.

LESEN C AFC/FAM – C LICENSE COURSE AFC/FAM

FAM telah menilai module dan sillibus **SIJIL KEJURULATIHAN LESEN C**, bahawa kursus ini perlu diselaraskan dan mengambil kira konten, module dan sillibus kepada jurulatih yang melatih pemain dan pasukan yang bermain 11v11 secara **Game Training dan Performance Phase**.

Kursus Kejurulatihan lesen C ini adalah matlamat seorang jurulatih untuk terlibat dalam latihan yang melibatkan latihan permainan, latihan taktikal dan latihan kepada “**elite footballers**”.

Pada selang rehat selama 6 minggu ketika kursus kejurulatihan ini, Jurulatih yang mengikuti kursus perlu menyediakan:

- 1. Log Latihan “LOG BOOK”**
- 2. Pelan sesi latihan**
- 3. Video penerangan atau sesi arahan pada rehat separuh masa permainan**

Fokus kepada 4 topik utama:

- 1) Structured Build Up – ‘Playing out from the Back’
- 2) Defending from The Front Third
- 3) Attacking Midfield Play - Midfield Combination Play Centrally
- 4) Wing Play Combination – Attacking Wing Play

Penilaian akan dibuat kepada 3 perkara diatas supaya peserta dapat merasai dan mengalami pengalaman tentang sesi latihan yang telah diberikan semasa sesi 1 kursus ini dijalankan.

Jurulatih dapat melaksanakan 3 perkara yang disenaraikan kepada kumpulan kecil atau kepada pemain di kelab, akademi mahupun sekolah mereka sendiri.

PEMILIHAN PESERTA KEJURULATIHAN LESEN C

- Peserta telah menjalani dan lulus sijil kejurulatihan lesen D AFC/FAM.
- Peserta jurulatih kursus ini terlibat secara langsung melatih pemain dan pasukan yang bermain 11v11, pada peringkat usia bawah 13 sehingga kepada pemain senior.
- Peserta mesti menyenaraikan bukti daripada sekolah, akademi dan kelab bahawa mereka terlibat secara aktif melatih pasukan elit dan pemain amatur.
- Peserta yang tidak bergiat secara aktif melatih peringkat usia yang diterangkan tetapi mempunyai keperluan untuk melatih peringkat usia dan pemain elit secara berpasukan perlu memberi bukti dan surat pengesahan dari kelab, akademi dan sekolah yang mereka akan dilantik sebagai jurulatih.

LESEN B AFC/FAM – B LICENSE COURSE AFC/FAM

FAM telah menilai module dan sillibus **SIJIL KEJURULATIHAN LESEN B**, bahawa kursus ini perlu diselaraskan dan mengambil kira konten, module dan sillibus kepada jurulatih yang melatih pemain dan pasukan yang bermain 11v11 secara berpasukan melibatkan **Game Training, Performance Phase dan Pemain Elit**.

Kursus Kejurulatihan lesen B ini adalah bertujuan untuk seorang jurulatih terlibat dalam latihan yang melibatkan latihan permainan, latihan taktikal menyeluruh dan latihan kepada **“elite footballers”**. Jurulatih juga diperkenalkan cara dan bagaimana persediaan pasukan menghadapi sesebuah liga yang dianjurkan.

Pada selang rehat selama 8 minggu ketika kursus kejurulatihan ini, Jurulatih yang mengikuti kursus perlu menyediakan:

1. **Log Latihan “LOG BOOK” sebelum, semasa dan selepas**
2. **Pelan sesi latihan sebelum, semasa dan selepas**
3. **Video penerangan atau sesi arahan pada rehat separuh masa permainan**

Fokus kepada 5 topik utama:

- 1) Football Vision and Philosophy
- 2) 6 Point Checklist: Frame, Organisation, Attitude of Players, Abilities of Players, Understanding and SELF
- 3) Attacking Principal and Defending Principal
- 4) Transition Model/Principle
- 5) Formation Theory

Jurulatih lebih terlibat kepada pembinaan pasukan yang bermain 11v11, terutama pemain amatur, pemain senior, pemain professional dan pemain remaja dalam kategori berbakat besar. Pada peringkat ini jurulatih terlibat pada tahap “Performance” dan “Skill Acquisition”

Penilaian akan dibuat kepada 3 perkara diatas supaya peserta dapat merasai dan mengalami pengalaman tentang sesi latihan yang telah diberikan semasa sesi 1 kursus telah dijalankan.

Jurulatih dapat melaksanakan 3 perkara yang disenaraikan kepada kumpulan kecil atau kepada pemain di kelab, akademi mahupun sekolah mereka sendiri.

PEMILIHAN PESERTA KEJURULATIHAN LESEN B

- Peserta telah menjalani dan lulus sijil kejurulatihan lesen C AFC/FAM.
- Peserta jurulatih kursus ini mesti terlibat secara langsung melatih pemain dan pasukan yang bermain 11v11, pada peringkat pemain amatir, pemain senior, pemain professional dan pemain remaja dalam kategori berbakat besar.
- Peserta mesti menyenaraikan bukti daripada akademi dan kelab bahawa mereka terlibat secara aktif melatih pasukan elit dan pemain amatir.
- Peserta yang tidak bergiat secara aktif tetapi mempunyai keperluan untuk melatih pemain dan pasukan elit secara berpasukan perlu memberi bukti bukti dan surat pengesahan dari kelab, akademi mereka akan dilantik sebagai jurulatih.

LESEN A AFC/FAM – A LICENSE COURSE AFC/FAM

Peringkat ini seorang jurulatih lebih didedahkan kepada membangunkan philosophy permainan dalam sesebuah pasukan yang mereka latih.

Jurulatih perlu membangunkan kriteria atau taktikal bagaimana mereka mahu sebuah pasukan mereka ingin bermain. Philosophy permainan ini penting supaya diterapkan dalam pasukan yang mereka latih dan setiap pemahaman taktikal dan corak latihan bergantung sepenuhnya kepada idea mereka sendiri bagaimana pasukan itu mahu bermain.

Latihan dan corak permainan adalah idea jurulatih itu sendiri.

1. Pemilihan pemain
2. Kriteria dan pemilihan latihan
3. Corak permainan yang mahu diketengahkan
4. Pemahaman yang mendalam dalam taktikal permainan
5. Pembacaan dan mengubahsuai mengikut situasi perlawanan
6. Corak latihan yang berasaskan idea dan pemahaman jurulatih itu sendiri

Aspek lain dalam kejurulatihan lesen A AFC/FAM

- ❖ Memberi pengetahuan kepada jurulatih di peringkat lesen A tentang pengetahuan, kelayakan dan kompetensi sebagai ketua jurulatih diperingkat tertinggi.
- ❖ Pengetahuan untuk melatih pemain professional.
- ❖ Pengetahuan mendalam tentang aspek teknikal/taktikal dan juga topik fizikal serta memberikan arahan dalam latihan bersifat taktikal
- ❖ Kemahiran di peringkat professional
- ❖ Menguruskan analisa perlawanan dan menganalisis pemain diperingkat tertinggi.
- ❖ Pengurusan media dan juga cara menghadapi media

PERKARA		AKAR UMBI	LESEN D	LESEN C	LESEN B	LESEN A
Objektif		Komuniti bersama sama membangunkan anak-anak muda tentang bolasepak	Jurulatih untuk terlibat dalam latihan yang melibatkan latihan permainan, Latihan taktikal dan latihan kepada "elite footballers".	Melatih pemain dan pasukan yang bermain 11v11 secara Game Training and Performance Phase.	Latihan permainan, Latihan taktikal menyeluruh dan latihan kepada "elite footballers". Jurulatih juga diperkenalkan cara dan bagaimana persediaan pasukan menghadapi sesebuah liga yang dianjurkan	Membangunlan philosophy permainan dalam sesebuah pasukan yang mereka latih.
Aspek kejurulatihan		First Touch, Striking The ball, Running with the Ball & 1v1	Persediaan untuk menghadapi keadaan sebenar sesebuah perlawanan dan tertumpu kepada latihan yang tidak bersifat perlawanan iaitu "isolated practices."	Latihan yang melibatkan latihan permainan, Latihan taktikal dan latihan kepada "elite footballers".	Pembinaan pasukan yang bermain 11v11, terutama pemain amatir, pemain senior, pemain professional dan pemain remaja dalam kategori berbakat besar	Membangunlan kriteria atau taktikal bagaimana mereka mahu sebuah pasukan mereka ingin bermain
Peringkat		6 tahun sehingga 11 tahun (Non elit)	Peringkat umur 12 tahun dan keatas yang bermain dalam pasukan 11v11.	Peringkat usia 13 sehingga kepada pemain senior.	Pemain amatir, pemain senior, pemain professional dan pemain remaja	Pemain senior, pemain professional dan pemain remaja
Jumlah Hari Kursus		2 hari penuh	5 hari penuh	9 hari penuh 6 hari penuh	10 hari penuh 10 hari penuh	11 hari penuh 10 hari penuh
Tahap Jurulatih		Terlibat secara langsung dalam membangunkan pemain dan pasukan bertaraf "NON-ELITE".	Pembangunan remaja Elit dan juga pemain dewasa diperingkat amatir.	Latihan permainan, Latihan taktikal dan latihan kepada "elite footballers".	Amatur, Remaja, Senior, Profesional	Remaja, Senior dan profesional